



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

189,064 KOMUNITI TERIMA MANFAAT DARIPADA 1,577 PROJEK SUKARELAWAN MISI SUKARELAWAN SISWA SABAH

KOTA KINABALU, 28 April – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan **Majlis Penutupan MADANI Berkhidmat : Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2025 di Kompleks Belia dan Sukan**. Misi ini telah disertai oleh **100 orang sukarelawan siswa dan alumni bermula pada 12 April hingga 30 April 2025** di tujuh (7) kawasan di Sabah.

7 kawasan tersebut adalah seperti berikut :

- i. Sekolah Menengah Kebangsaan Banggi di daerah Kudat;
- ii. Kampung Loktohog Banggi di daerah Kudat;
- iii. Kampung Ongkilan di daerah Kota Marudu;
- iv. Kampung Mangkulat di daerah Kota Belud;
- v. Kampung Lohan di daerah Ranau;
- vi. Kampung Kipouvo di daerah Penampang dan;
- vii. Kampung Merotai Besar di daerah Kalabakan.

Antara projek utama yang telah dijayakan adalah **pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung dan laluan kerusi roda sepanjang 200 meter** bagi murid program pendidikan khas di Sekolah Kebangsaan Loktohog, Banggi, Kudat. Selain itu, **pengubahsuaian ruang makan rancangan makanan tambahan** juga telah berjaya dilaksanakan di SK Merotai Besar.

YB Datuk Aaron berkata, ***“Bagi Negeri Sabah, sehingga tahun ini, sebanyak 28 misi sukarelawan siswa telah dijalankan dengan penglibatan seramai 793 sukarelawan siswa. Mereka telah berjaya melaksanakan sebanyak 1,577 projek sukarelawan yang telah memberi manfaat kepada 189,064 komuniti di seluruh Sabah”***.

“Kesemua sukarelawan pada hari ini akan dilantik menjadi ejen perpaduan sebagai usaha untuk memperkukuh semangat muhibah, menyemai nilai toleransi, serta menggalakkan keterlibatan aktif masyarakat dalam membina negara yang bersatu padu dan harmoni”, ujar YB Datuk Aaron.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu menjayakan misi sukarelawan inin seperti Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), Eco Yap, Pelangi Publishing House, Mr. D.I.Y serta Kementerian Pertahanan Malaysia melalui Divisyen 5 Tentera Darat.

Kementerian Perpaduan Negara

23 April 2025

KPN.100-9/1/16 (30)